

Bil. S 75

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))****PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2013/2014) (BIL. 3), 2014**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 58/2013) bertarikh 16 haribulan Julai 2013 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu empat ratus tiga puluh juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu ringgit (\$5,430,785,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2013/2014), 2013 (Akta 1 tahun 2013).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua ratus lima puluh lima juta, seratus empat puluh dua ribu, dua ratus sembilan ringgit (\$255,142,209.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2013/2014) (Bil. 1), 2013 (S 82/2013).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang seratus sembilan puluh lima juta, seratus dua puluh dua ribu, dua ratus tiga puluh satu ringgit dan enam puluh enam sen (\$195,122,231.66) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2013/2014) (Bil. 2), 2014.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh dua juta, tujuh ratus sebelas ribu, empat ratus tujuh puluh ringgit (\$32,711,470.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2013/2014) (Bil. 3), 2014.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2013/2014, peruntukan dan penggantian wang yang dipinjam dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh dua juta, tujuh ratus sebelas ribu, empat ratus tujuh puluh ringgit (\$32,711,470.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2013/2014, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2013/2014), 2013 (Akta 1 tahun 2013), Perintah Perbekalan Tambahan (2013/2014) (Bil. 1), 2013 (S 82/2013) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2013/2014) (Bil. 2), 2014, adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

(3) Penggantian jumlah wang dengan wang yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual, iaitu jumlah wang yang dipinjam dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan	[4] Pinjaman dari Kumpulan wang Luarjangka
KEMENTERIAN KEWANGAN			
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$32,711,470.00	\$32,711,470.00
		<u>\$32,711,470.00</u>	<u>\$32,711,470.00</u>

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 21 haribulan Disember, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM